



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Paskah 2 - 7 April 2024

Doa Hari Ini

Bapa Mahakuasa, belas kasihan-Mu yang besar telah membuat hati para murid-murid gembira dengan penampakkannya kepada mereka, Tuhan yang telah bangkit; berilah kami pengetahuan akan kehadiran-Nya di tengah-tengah kami, agar kami dikuatkan dan dipertahankan oleh hidup-Nya yang telah bangkit, dan kami akan terus melayani Engkau dalam keadilan dan kebenaran, melalui Kristus Tuhan kami. Amin



Mereka bertekun dalam persekutuan - KPR 2:42

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. TERIMA KASIH

Berbanyak-banyak 'terima kasih' kepada semua yang telah melayani jemaat kita pada Hari Paskah. Sekumpulan sukarelawan bekerja keras untuk melayani kita baik semasa dan selepas kebaktian. Daripada hiasan bunga, memimpin pujian, menyediakan sistem untuk didengar dan dilihat, menyambut tetamu, menyediakan telur Paskah, menyediakan makanan, membersihkan - dan senarai pelayanan terus disebutkan. Sungguh ini adalah sebuah perkumpulan keluarga yang hebat; untuk menyembah Tuhan Yesus yang bangkit. Haleluyah!

2. MUSIM PASKAH


Salah satu kesan ketara daripada kebangkitan Yesus Kristus ialah kelahiran sebuah komuniti, yang dipanggil gereja. Ia bermula dengan 120 murid Yesus pada hari Pentakosta. Ia perlahan-lahan, tetapi secara berterusan dan pasti, lalu berkembang menjadi komuniti di seluruh dunia.

Musim Paskah (atau *easter tide*) ini, kita akan melihat beberapa ciri 'komuniti kebangkitan' ini. Berdasarkan surat 1 Yohanes, mereka adalah:

- 7 April: Persekutuan - 1 Yohanes 1:5-2:2
- 14 April: Kebenaran - 1 Yohanes 3:1-7
- 21 April: Ketaatan - 1 Yohanes 3:16-akhir
- 28 April: Keberanian - 1 Yohanes 5:1-6
- 5 Mei: Keyakinan - 1 Yohanes 5:9-13
- 12 Mei, Hari Ibu: Kasih - 1 Yohanes 4:7-akhir
- 19 Mei, Pentakosta: Kuasa


3. KESIBUKAN RAYA MENDATANG

- **Muda-mudi BI** - 10-11 Apr; beretret di Kundasang. Tema: 'Perumpamaan tentang Harta Tersembunyi'. Aktiviti termasuklah memasak makanan sendiri, mendaki/bersiar-siar ke kampung tempatan, tidur di dalam khemah, belajar Alkitab dan banyak lagi.
- **Jemaat BM** - 10-12 April: 50 daripada kita akan menyertai Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penerobosan.
- **Paderi Diosis** - 9-12 April: Konferensi Paderi Anglikan Cina Sedunia, Taiwan. Kira-kira 30 paderi dan isteri mereka akan menyertainya.; termasuk Rektor kita dan isterinya, Lorraine.
- Doakan untuk perjalanan selamat dan masa yang bermakna untuk semua peserta.



4. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 30 April-2 Mei - Konferensi Belia BC & BI, Katedral All Saints, KK. Dibuka untuk pendaftaran. RM200 per orang. Ada Subsidi disediakan. Hingga kini, lebih 160 pendaftaran.
- 28-30 Mei - Khemah Muda-mudi BC & BI, Sekolah Visi, Tawau. Dibuka untuk pendaftaran. RM135 seorang (termasuk makanan dan penginapan).



5. KEBERSAMAAN DALAM KELUARGA

Semasa MAT baru-baru ini, isu pelitup muka telah dibangkitkan. Sila pertimbangkan perkara berikut:

- sesetengah daripada kita telah membentuk tabiat memakai pelitup muka sebagai 'norma baharu'. Terutama apabila berada di kalangan ramai orang, seperti dalam suasana gereja. Ia bukan lagi persoalan untuk mengelakkan jangkitan Covid; melainkan untuk kebersihan umum dan peribadi;
- sesetengah daripada kita pula, mempunyai keutamaan lain;
- kami amat menegaskan bahawa, kita SEMUA komited terhadap kesejahteraan umum bagi semua orang; terutama untuk komuniti gereja yang yang dikasihi.
- Sesiapa mahu memakai, atau tidak memakai pelitup muka, biarlah menjadi keutamaan peribadi. Kami menghormati antara satu sama lain.
- Bagi pengagihan Perjamuan Kudus, akan sentiasa ditempatkan stesen dengan pemimpin awam yang memakai pelitup muka.

6. PROJEK 'LABUR' - terima kasih

- Diperlukan - RM600,000
- Minggu lepas - RM7,160
- Jumlah terkini - RM7,160

7. PELAYANAN LAIN

- KEBAJIKAN - pasukan kebajikan kita telah menjangkau 9 keluarga baru-baru ini. Lapan keluarga yang terjejas akibat kebakaran; satu lagi oleh kemalangan jalan raya yang tragik.



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Tanda-tanda 'komuniti kebangkitan'

PERSEKUTUAN

"jika kita hidup di dalam terang sama seperti Dia ada di dalam terang, maka kita beroleh persekutuan seorang dengan yang lain" - 1 Yohanes 1:7

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Apakah yang biasa anda lakukan apabila berlaku pemotongan kuasa (mati karan!!)?
2. Baca 1 Yoh 1:5-7. Apakah yang dimaksudkan dengan 'berjalan dalam terang' dan 'berjalan dalam kegelapan'? Berikan beberapa contoh praktikal.
3. Apa yang berlaku apabila kita semua 'berjalan dalam terang'? Apakah yang dimaksudkan dengan 'persekutuan seorang dengan yang lain'? Perincikan sebuah gereja yang berada dalam persekutuan di antara satu sama lain. Lihat juga Kis 2:42-47.
4. 1 Yoh 1:8-10. Apa yang anda akan katakan kepada seseorang yang berkata, dia tidak mempunyai dosa? Atau dia tidak pernah berbuat dosa? Adakah mungkin seseorang tidak berbuat dosa? Mengapa atau mengapa tidak?
5. Apa yang kita lakukan apabila kita tahu bahawa kita telah berdosa - ay 8? Apa yang Allah janjikan kepada kita? Adakah dosa yang terlalu besar untuk diampuni? Apa yang boleh saya lakukan jika saya tidak berasa diampuni?
6. 1 Yoh 2:2. Apakah yang telah Yesus lakukan untuk kita di kayu salib? Bagaimana kita boleh mengambil hak untuk diri kita sendiri? Jika ada peluang, berdoalah untuk diri sendiri, atau untuk seseorang dalam kumpulan anda, memohon keampunan dosa. Persekutuan adalah perkongsian - berkongsi doa, keprihatinan dan kepedulian.

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk mereka yang terjejas akibat gempa bumi di Taiwan [agar mereka menerima bantuan dan pelayanan yang diperlukan]

Masyarakat kita yang tercinta

- berdoa untuk seluruh rakyat dalam mereka menyambut musim perayaan [supaya keharmonian di kalangan pelbagai masyarakat boleh dirasai bersama]

Diri sendiri

- berdoa untuk Konferensi Para Paderi Cina Sedunia di Taiwan

- berdoa untuk Konferensi Doa BM di Tawau

[kiranya semua peserta disegarkan oleh Roh dan Firman; untuk perlindungan perjalanan]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.